



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 75
No. 11

17hb Mac 2022

*TAMBAHAN No. 6
PERUNDANGAN*

Phg. P.U. 7.

ENAKMEN MINERAL 2001

PERATURAN-PERATURAN MINERAL (PINDAAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 188 Enakmen Mineral 2001 [*Enakmen No. 7 tahun 2001*], Pihak Berkuasa Negeri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Mineral (Pindaan) 2021**.

(2) Peraturan 3 dan 5 hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

(3) Tertakluk kepada subperaturan (2), Peraturan-Peraturan ini hendaklah disifatkan berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

Pindaan peraturan 45

2. Peraturan 45 Peraturan-Peraturan Mineral 2005 [*Phg. P.U. 23/2005*] yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (3), subperaturan yang berikut:

“(4) Suatu permohonan bagi rayuan melanjutkan tempoh bayaran bagi kelulusan tenemen mineral atau tempoh bayaran kelulusan pembaharuan tenemen mineral akan dikenakan pembayaran fi seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(5) Permohonan rayuan melanjutkan tempoh bayaran kelulusan tenemen mineral—

- (a) hendaklah dikemukakan dalam tempoh surat kelulusan berkuat kuasa; dan
- (b) sebarang permohonan yang dibuat selepas tempoh yang dinyatakan di dalam surat kelulusan tidak akan dipertimbangkan dan kelulusan itu hendaklah disifatkan terbatal.”.

Pindaan peraturan 84

3. Subperaturan 84(4) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan keseluruhan subperaturan yang berikut:

“(4) Biji mineral yang didapati daripada tanah di bawah pajakan melombong, lesen melombong tuan punya, lesen mencarigali atau lesen penjelajahan hendaklah diiringi dengan suatu dokumen perjalanan mengikut kaedah dan bentuk yang ditetapkan secara bertulis oleh Pengarah serta mengandungi maklumat berkaitan dengan pemilik, butiran biji mineral, butir-butir pengangkutan, destinasi dan orang yang menerima penghantaran.”

Pindaan Jadual Pertama

4. Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan butiran yang berikut:

- (a) pada butiran (13) dengan menggantikan perkataan ‘Borang 13D’ dengan perkataan “Dokumen Perjalanan”;
- (b) dalam bahagian ‘Fi’, dengan memasukkan selepas butiran (14), butiran yang berikut:

<i>Bil.</i>	<i>Perkara</i>	<i>Peruntukan Peraturan- Peraturan yang berkaitan</i>	<i>Borang berkaitan</i>	<i>Fi (RM)</i>
“15.	Fi permohonan rayuan melanjutkan tempoh bayaran kelulusan tenemen mineral atau kelulusan bayaran Pembaharuan Tenemen Mineral	45(4)	—	RM500.00 bagi permohonan kali pertama RM1,000 bagi permohonan kali kedua RM1,500 bagi permohonan kali ketiga”; dan

(c) dalam bahagian ‘Royalti’, dengan memasukkan selepas butiran (m), butiran yang berikut:

<i>Bil.</i>	<i>Perkara</i>	<i>Peraturan-Peraturan</i>	<i>Borang berkaitan</i>	<i>Kadar</i>
“(n)	Granit			RM3.00 satu tan
(o)	Batu marmar			RM10.00 satu tan
(p)	Batu kapur			RM3.00 satu tan
(q)	Guano			RM15.00 satu tan
(r)	Feldspar			10% daripada nilai.”

Pindaan Jadual Ketiga

5. Borang 13D dalam Peraturan-Peraturan ibu dimansuhkan.

Bertarikh 7 Mac 2022

[PTG.Phg.(M) 16/006/24; PUN.Phg.D/100/27/43]

MOHD ZUKRI BIN SIDEK
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang

MINERAL ENACTMENT 2001

MINERAL (AMENDMENT) REGULATIONS 2021

IN exercise of the powers conferred by section 188 Mineral Enactment 2001 [*Enactment No. 7 of 2001*], the State Authority makes the following regulations:

Short title and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Mineral (Amendment) Regulations 2021**.

(2) Regulations 3 and 5 shall be deemed to come into force on 1 January 2021.

(3) Subject to subregulation (2), these regulations shall be deemed to have come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

Amendment of regulation 45

2. Rule 45 of the Mineral Regulations 2005 [*Phg. P.U. 23/2005*] which are referred to as “the Principal Regulations” in these Regulations are amended by inserting after subrule (3), the following subrule:

“(4) An application for appeal to extend the period of payment for approval of mineral tenement, or period of payment of renewal of mineral tenement shall be charged with fee as prescribed in the First Schedule.

(5) Any application for appeal to extend the period of payment—

(a) shall be submitted within the period in which the letter of approval is in force; and

(b) any application made after the time specified in the approval letter shall not be considered, and such approval shall be deemed revoked.”.

Amendment of regulation 84

3. Subregulation 84(4) to the Principal Regulations is amended by substituting as follows:

“(4) Mineral ore won from land under a mining lease, proprietary mining licence, prospecting licence or exploration licence shall be accompanied by a transit document in the manner and form prescribed in writing by the Director containing information pertaining the owner, the particular of the mineral ore, particulars of conveyance, destination and the person accepting delivery.”.

Amendment of First Schedule

4. The First Schedule to the principal Regulations is amended by inserting item as follows:

(a) in item (13) by substituting for the words “Form 13D” the words “Transit Document”;

(b) in the ‘Fee’ section, by inserting after item (14), the following item:

<i>Item No.</i>	<i>Matter</i>	<i>Regulation(s)</i>	<i>Form(s)</i>	<i>Fee (RM)</i>
“15.	Application fee for appeal to extend the period of payment of approval of mineral tenement/period of payment of renewal of mineral tenement	45(4)	—	RM500.00 for the first application RM1,000 for the second application RM1,500 for the third application.”; and

(c) in the ‘Royalties’ section, by inserting after item (m), the following item:

<i>Item No.</i>	<i>Matter</i>	<i>Regulation(s)</i>	<i>Form(s)</i>	<i>Rate</i>
“(n)	Granite			RM3.00 per tonne
(o)	Marble stone			RM10.00 per tonne
(p)	Limestone			RM3.00 per tonne
(q)	Guano			RM15.00 per tonne
(r)	Feldspar			10% of the value.”

Amendment of Third Schedule

5. Form 13D to the principal Regulations is repealed.

Dated 7 March 2022

[PTG.Phg.(M) 16/006/24; PUN.Phg.D/100/27/43]

MOHD ZUKRI BIN SIDEK
Clerk of Council
State of Pahang

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
 PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
 KUALA LUMPUR
 BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA